

Ahli Umno bebas Tanding

(P) BH 27/3/93
Oleh Lichong Angkui, Izman Ismail, Ismail Mat dan Farid Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat — Sesiapa sda ahli Umno yang bercita-cita besar boleh merebut jawatan utama dalam parti itu pada pemilihan November ini tetapi mereka diingatkan jangan berke-lakuan buruk seperti yang berlaku pada 1987.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ahli parti yang mahu merebut jawatan dalam pemilihan akan datang supaya bersikap sopan dan berasaskan kepada semangat Umno yang tulen.

"Tidak mengapa kalau ada orang yang mempunyai cita-cita besar (merebut jawatan penting) tetapi janganlah membuat kelakuan yang tidak elok," katanya menjawab soalan pemberita di rumah terbuka Aidilfitri bagi orang kenamaan dan diplomat asing di Seri Perdana, hari ini.

Dr Mahathir mengingatkan bahawa Umno tidak mahu berlaku perpecahan selepas perhimpunan kali ini dan justeru itu, cara pertandingan yang diamalkan pada 1987 tidak boleh diikuti sama-sekali.

Menurutnya, cara pertandingan pada 1987 membawa perpecahan kepada parti. Dalam pemilihan 24 April 1987, semua jawatan utama dalam Majlis Tertinggi Umno (MT) ditandingi selepas satu kempen sengit sehingga menyebabkan perpecahan dan kumpulan yang tewas tidak menerima hakikat kekalahan itu.

Berikutan itu, calon yang kalah mengambil tindakan mahkamah menyebabkan Umno diisytiharkan haram oleh Mahkamah Tinggi Kuala

Lumpur pada 4 Februari 1988 sehinggalah Umpo dihidupkan semula pada 13 Februari 1988.

Dr Mahathir berkata, pada pemilihan kali ini, ahli dan pemimpin Umno mempunyai hak untuk bertanding tetapi ia hendaklah berasaskan semangat Umno demi menjaga perpaduan dalam parti.

"Kalau nak bertanding, boleh bertanding secara sopan, tidak menggunakan cara tahun 1987. Kerana kita tahu cara tahun 1987 menyebabkan parti berpecah," katanya.

MT Umno, 6 Mac lalu menetapkan perhimpunan agung Umno tahun ini akan diadakan pada 4 November manakala Pergerakan Pemuda dan Wanita diadakan sehari lebih awal.

Mengenai laporan bahawa Kerajaan Kelantan melarang semua pegawai kerajaan negeri dan jabatan Persekutuan di negeri itu bekerjasama dengan Menteri Pusat, Dr Mahathir berkata: "Saya nak tahu sama ada benar atau tidak. Kalau benar, ini mendukacitakan."

Menurut Perdana Menteri, pelaksanaan kebanyakan kerja di Kelantan bergantung kepada Kerajaan Pusat dan ini melibatkan pegawai perkhidmatan awam Persekutuan.

"Kalau mereka (pegawai di Kelantan) tidak menurut atau mengadakan perhubungan dengan Kerajaan Pusat, mungkin banyak pembangunan dan lam-lam tidak dapat dilaksanakan," katanya.

Sambil menyifatkan arahan itu (jika benar), mempunyai muslihat politik, beliau berkata: "Saya

LIHAT MUKA 2

Arahan mesti dipatuhi

DARI MUKA 1

ingat ada orang yang cuba main politik di sini. Jadi tindakan sedemikian adalah tidak bijak."

Semalam, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Annuar Musa berkata, arahan Kerajaan Kelantan yang dikeluarkan oleh pihak atasan itu, antara lain tidak membenarkan pegawai kerajaan negeri dan Pusat menemui menteri Pusat tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran.

Dr Mahathir menasihatkan semua pegawai perkhidmatan Persekutuan, khususnya di Kelantan menyedari bahawa mereka bekerja dengan Kerajaan Persekutuan dan semestinya patuh kepada arahan Pusat.

"Kalau mereka (pegawai Persekutuan) ingkar dan tidak menjalankan tugas dengan baik, tentulah kita terpaksa mengambil tindakan," katanya.

secara sopan

rebut jawatan: Mahathir